

Kemampuan Model Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi Meningkatkan Tahap Motivasi dan Kemahiran Bahasa Pelajar

Zulkifli Osman

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang kemampuan proses PdP Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat meningkatkan tahap motivasi dan kemahiran bahasa pelajar. Lapan guru Bahasa Melayu dan 212 pelajar yang terdiri daripada lapan kelas Tingkatan Empat dari seluruh negara dilibatkan sebagai responden dalam kajian ini. Soal selidik ditadbirkan kepada pelajar bagi mendapatkan maklumat tentang tahap motivasi pelajar, manakala temu bual digunakan bagi mendapatkan data tentang pandangan pelajar terhadap model pengajaran yang dibangunkan. Ujian kemahiran bahasa pula digunakan bagi mendapatkan data tentang kemampuan model PdP ini meningkatkan kemahiran bahasa pelajar. Dapatan kajian mendapati tahap motivasi pelajar dapat ditingkatkan. Dapatan temu bual pula mendapati sebahagian besar pelajar (55 %) menyatakan bahawa mereka seronok mengikuti aktiviti yang disediakan guru kerana dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bahasa mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa skor min bagi kemahiran bahasa pelajar dalam ujian pasca meningkat berbanding dengan ujian pra. Implikasi kajian turut dibincangkan dalam artikel ini.

Kata Kunci: Kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, motivasi pelajar, kemahiran bahasa, model pengajaran Bahasa Melayu

ABSTRACT

This study was conducted to examine how the teaching and learning of thinking skills through ICT in the Malay Language can enhance students language skills and motivation level. Eight teachers and 212 form four students were involved as respondents in this study. Questionnaires and a language proficiency test were administered after the teaching and learning activities were conducted in classrooms. The findings indicated that the majority of the students (55%) acknowledged that they enjoyed the activities and tasks given by the teachers and stated that these activities enabled them to improve and enhance their knowledge and language skills. In terms of the strength of the Malay Language model in improving the language skills, the results showed that the mean scores of all of the four language skills in post-test increased between 5-12 percent as compared with the mean scores in the pre-test. The implications of the study are also discussed in this article.

Keywords *Thinking skills, Information, communication and technology skills, student's motivation, language skills, and Malay Language Teaching Model.*

PENGENALAN

Kemahiran berfikir, sama ada kemahiran berfikir aras tinggi atau kemahiran berfikir aras rendah perlu diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Penyerapan kemahiran berfikir dalam proses PdP di bilik darjah telah dinyatakan dengan jelas dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM. Dalam hal ini menyatakan bahawa:

Kemahiran berfikir (hendaklah) diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir, sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM 2002, hlm. 18)

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tingkatan Dua (2002, hlm. 8) turut menyatakan bahawa kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran

mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Ini menunjukkan kemahiran berfikir wajar diterapkan dalam proses Pdp Bahasa Melayu di bilik darjah.

Kini, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kemahiran berfikir khususnya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diberi penekanan yang khusus. PPPM menuntut supaya sistem pendidikan di negara ini memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir bagi melahirkan satu sistem pendidikan yang berkualiti dan holistik yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian, dan identiti Nasional (hlm. 16).

Usaha ini penting kerana dalam usaha negara melahirkan generasi yang cemerlang, kemahiran berfikir merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Dalam konteks ini, Datuk Dr. Amin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Dasar dan Pembangunan Pendidikan), menyarankan bahawa hala tuju pendidikan negara perlu diubah agar proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah tidak hanya tertumpu pada aktiviti menghafal dan latihan yang menjurus kepada peperiksaan semata-mata (*Berita Harian*, 31 Julai 2013). Oleh itu, bagi menyokong hasrat ini, kemahiran berfikir perlu diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu agar matlamat PPPM yang antara lainnnya adalah untuk melahirkan pelajar yang boleh berdaya saing dalam menempuh kehidupan mereka dapat dipenuhi.

Kurikulum pendidikan bahasa Melayu juga turut memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam Pdp Bahasa Melayu di bilik darjah. Menyentuh aspek kepelbagaian teknik dalam menyampaikan proses Pdp di bilik darjah, HSPBM turut menyarankan agar guru menggunakan pelbagai teknik dan bahan bantu mengajar bagi menarik minat pelajar dan menggalakkan proses Pdp Bahasa Melayu yang berkesan. Hal ini sejajar dengan saranan HSPBM yang antara lain menyatakan bahawa:

Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik, serta penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berinteraksi serta berfikir secara kritis dan kreatif.

*(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu
Tingkatan Dua, 2002, hlm. 7).*

Kesimpulannya, jelas bahawa proses Pdp Bahasa Melayu hendaklah memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir dan TMK. Proses penyerapan kedua-dua kemahiran diharap dapat meningkatkan kualiti Pdp Bahasa Melayu dan juga dapat menarik minat pelajar.

PENYERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Penyerapan Kemahiran Berfikir

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu menyarankan agar kemahiran berfikir dan teknologi maklumat dan komunikasi diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Proses penyerapan ini wajar dilaksanakan bagi menambah baik kualiti pengajaran di bilik darjah, serta diharap dapat meningkatkan minat pelajar terhadap proses pengajaran Bahasa Melayu. Secara umumnya, terdapat dua jenis kemahiran berfikir yang utama, iaitu kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif (Som Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli, 1998). Mereka mengkategorikan kemahiran berfikir kritis sebagai kemahiran membanding dan membezakan, membuat kategori, meneliti bahagian-bahagian kecil dan keseluruhan, menerangkan sebab, menyusun mengikut urutan, mengusul periksa andaian, dan membuat inferens. Kemahiran berfikir kreatif pula mengandungi kemahiran menjana dan menghasilkan idea, mencipta metafora, mencipta analogi, dan mencipta definisi. Menurut Som Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli (1998) lagi, tujuan kemahiran berfikir diaplikasikan dalam pelajaran adalah untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepkan idea, menyelesaikan masalah, menyusun idea, membuat ramalan, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan (Abdul Hamid Mahmood, 2006).

Operasi berfikir boleh dilakukan melalui perbandingan (*comparing*), ringkasan (*summarizing*), pemerhatian (*observing*), pengelasan (*classifying*), interpretasi, kritikan (*criticizing*), membuat andaian (*looking for assumptions*), imaginasi (*imagining*), mengumpul dan mengorganisasikan data, membuat hipotesis (*hypothesizing*), pengaplikasian fakta dan prinsip kepada situasi baharu, membuat keputusan, mereka bentuk projek atau menyasat dan membentuk koding (Raths, Wassermann, Jonas, dan Rothstein, 1986).

Kemahiran berfikir boleh ditandai melalui petunjuk yang tertentu. Dalam kemahiran berfikir kritis, beberapa petunjuk boleh digunakan. Misalnya, bagi kemahiran mencirikan, beberapa petunjuk boleh digunakan. Antaranya termasuklah menyatakan ciri-ciri unsur, memperlihatkan sifat, menyenaraikan ciri-ciri, sifat dan unsur, mengenal pasti kualiti, sifat, ciri dan unsur, dan menyebut ciri-ciri, sifat dan unsur. Bagi kemahiran mengumpul dan mengelas pula, antara petunjuk yang boleh digunakan ialah membuat pengelasan berasaskan ciri sepunya, mengumpulkan mengikut sesuatu kategori, mengumpulkan mengikut ciri-ciri yang boleh dibandingkan, mengkategorikan ciri, menyusun mengikut kriteria, dan menyusun mengikut kumpulan.

Dalam kemahiran berfikir kreatif pula, beberapa petunjuk boleh digunakan. Misalnya, bagi kemahiran membuat inferens, petunjuk yang berikut boleh digunakan bagi mengenal pasti pelajar sudah menguasai kemahiran tersebut atau tidak. Petunjuk tersebut ialah membuat kesimpulan awal daripada pemerhatian, membuat rumusan awal daripada data, membuat kesimpulan awal daripada maklumat, membuat tanggapan awal, membuat pendirian awal, dan menyatakan ketetapan awal.

Penyerapan Kemahiran Berfikir Melalui Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Penyerapan kemahiran berfikir (KB) melalui teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bermaksud penyerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan bahan-bahan pengajaran yang bersandarkan teknologi maklumat dan komunikasi seperti laman web, berita atas talian, *you tube*, dan sebagainya. Model ini dilakukan bagi memastikan bahan pengajaran yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa menjadi lebih menarik dan berkesan. Penggunaan Kemahiran TMK dalam PdP bermaksud menggunakan kemahiran TMK secara berfikir, terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Pendekatan Penyerapan Kemahiran Berfikir dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Maria Salih dan Nurulhuda Abd Rahman (dlm. Nurul Huda Abd Rahman dan Md Nasir Ibrahim, 2013) menggariskan bahawa terdapat

tiga pendekatan umum dalam menerapkan kemahiran berfikir, iaitu (1) pendekatan secara berasingan, pendekatan secara tidak langsung, dan (3) pendekatan penyebatian. Dalam konteks kajian ini, pendekatan kedua digunakan, iaitu kemahiran berfikir digunakan bagi membantu mencapai isi kandungan atau dalam konteks kajian ini, bagi mencapai meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar.

Rajendran (2010) menjelaskan bahawa proses pengajaran bahasa memainkan peranan penting dalam mengembangkan proses berfikir pelajar. Menurut beliau lagi, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat diterapkan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Jadual 1 menunjukkan bagaimana KBAT boleh diterapkan dalam pengajaran bahasa.

Jadual 1 Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Bahasa

Kemahiran	Contoh Pelaksanaan
Menganalisis	Analisis sebab-sebab kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.
Membandingkan	Bandingkan situasi kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dengan New York.
Mencipta	Kenal pasti semua kemungkinan penyelesaian bagi masalah ini.
Membuat Inferens/ Interpretasi	Apakah kekuatan dan kelemahan cadangan yang diberikan oleh pihak berkuasa dalam menyelesaikan masalah ini?
Mensintesis	Apakah kemungkinan cadangan yang boleh anda berikan bagi mengatasi masalah ini?
Menilai	Bolehkan penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam Negara dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di ibu negara.
Membuat keputusan	Apakah keputusan yang baik yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini?

(Sumber: Rajendran, 2010: 98)

Kesimpulannya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan bukan sahaja kemahiran bahasa Melayu itu sendiri, namun dapat juga meningkatkan kemahiran berfikir itu sendiri.

Model Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kemahiran Berfikir (KB) melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Dalam kajian ini, model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan KB melalui TMK melibatkan empat (4) unit pelajaran. Unit pelajaran ini dibina berdasarkan *Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 4* dan merangkumi semua aspek kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan dibantu dengan bahan pengajaran yang bersumberkan TMK seperti bahan berita daripada akhbar atau media tayang atas talian, *you tube*, dan sebagainya. Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini, kemahiran dan alat berfikir digunakan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran bahasa yang diajar dengan lebih baik dan bermakna. Jadual 2 menunjukkan butiran tentang kandungan dan penyerapan kemahiran berfikir dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 2 Kandungan dan Penyerapan Kemahiran Berfikir dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Unit Pelajaran (UP)	Kemahiran Bahasa	Kemahiran Berfikir dan Alat Berfikir yang Digunakan dalam Setiap Unit Pelajaran		
		Kemahiran Berfikir	Alat Berfikir	Bahan Bantu Mengajar
UP 1	Fokus (Bertutur) Sampingan (Menulis)	Mengumpul dan mengelas Menganalisis	CoRT-CAF Pengurusan grafik (jadual)	<i>Power point/prezi</i>
UP 2	Fokus (menulis rumusan Sampingan (membaca)	Menyusun idea dan metafora	Pengurusan grafik (jadual)	Video (<i>you tube</i>) Keratan akhbar (atas talian)
UP 3	Fokus (Menulis Karangan) Sampingan (Bertutur)	Menyusun maklumat/ide berdasarkan urutan Mencerakinkan idea mengikut komponen	Pengurusan grafik (jadual) Pengurusan verbal	Keratan video “3 Abdul (<i>you tube</i>) Lembaran kerja

Jadual 2 samb...

UP 4	KOMSAS	Membanding dan Membeza	CoRT_PMI Pengurusan lisan Pengurusan grafik	<i>Power point</i> Lembaran kerja
------	--------	------------------------	---	--------------------------------------

PENYATAAN MASALAH

Kurikulum pendidikan Bahasa Melayu menuntut agar proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini dilakukan secara seimbang antara kecekapan dan pengetahuan bahasa. Selain itu, pendidikan Bahasa Melayu juga turut memberi penekanan terhadap penyerapan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir dan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Aspek kemahiran berfikir kreatif dan kreatif ini diserap dalam kurikulum Bahasa Melayu bagi membantu pelajar berfikir secara tepat, dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka, dan juga dapat melahirkan insan yang kreatif dan tidak statik.

Walau bagaimanapun, kajian lalu mendapati aktiviti pengajaran dalam bilik darjah kurang memberi penekanan terhadap aspek pemikiran kritis dan kreatif (KBKK) (Syarifah Nor Puteh, 2012). Dalam kajiannya, Syarifah Nor Putih (2012) mendapati bahawa guru hanya menggunakan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka secara tidak terancang. Kajian Rajendran (2001) juga membuktikan bahawa kebanyakan guru (90%) hanya menggunakan kemahiran berfikir arah rendah dalam pengajaran mereka. Hal ini menyebabkan hasrat, falsafah dan matlamat serta cadangan strategi pengajaran yang terkandung dalam kurikulum kebangsaan khususnya kurikulum Bahasa Melayu tidak menjadi kenyataan (Sharifah Maimunah, 2007; Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin, 2008).

KBKK perlu dilaksanakan dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah kerana banyak kajian mendapati bahawa penggunaannya dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Kajian Yahya Othman dan Azmey Hj. Othman (2012) mendapati penggunaan strategi peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran berjaya meningkatkan pencapaian penulisan karangan juga argumentatif pelajar. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Zainudin bin Hassan, Hamdan bin Said, Jamilah bt. Omar, Haslita

bt. Hassan (2012). Dalam kajian mereka terhadap keberkesanan KBKK dalam in pencapaian pelajar dalam meta pelajaran kemahiran hidup menunjukkan bahawa KBKK dapat meningkat pencapaian pelajar. Siti Zabedah Mohamed (2006) dalam kajiannya terhadap kesan pendekatan kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan pelajar Tingkatan Empat juga mendapati pendekatan ini memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar.

Kemahiran berfikir juga wajar dilaksanakan dan diaplikasi dalam pengajaran bahasa kerana kajian-kajian lalu (Gibson, 2013; Zhang, 2005) mendapati bahawa kemahiran berfikir dapat meningkatkan motivasi dalaman pelajar. Di samping itu, kajian ini perlu dilakukan kerana terdapat kajian yang menunjukkan bahawa penyerapan TMK dalam pengajaran boleh meningkatkan Kemahiran berfikir murid. Kajian Farah Dina Yusop (dalam Siow Heng Loke et al, 2005). Misalnya mendapati penggunaan perisian *hypermedia* dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Hasil kajiannya terhadap pelajar universiti mendapati bahawa pembelajaran berpusat pelajar melalui perisian multimedia yang dibina oleh pelajar sendiri berupaya meningkatkan kemahiran berfikir di samping turut berupaya meningkatkan minat dan motivasi dalam kalangan pelajar.

Kajian Nur Aishah dan rakan-rakan (2012) terhadap murid Tingkatan Satu juga mendapati pengaplikasian KTM dapat meningkat kemahiran berfikir dan juga motivasi pelajar khususnya dalam pengajaran KOMSAS. Kajian mereka juga mendapati bahawa, melalui pengaplikasian TMK dalam pengajaran KOMSAS, pemahaman pelajar terhadap elemen sastera dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat ditingkatkan.

Kajian ini juga wajar dilaksanakan kerana kajian terhadap kemampuan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat jarang dilaksanakan. Kebanyakan kajian yang ditemui hanya menyentuh sama ada keberkesanan KBKK atau TMK terhadap motivasi pelajar atau kemahiran bahasa. Kajian ini turut dilaksanakan kerana kebanyakan kajian terhadap KBKK hanya menyentuh satu-satu kemahiran bahasa sahaja, iaitu kemahiran menulis karangan (Yahya Othman dan Azmey Hj. Othman, 2012; Siti Zabedah Mohamed, 2006). Begitu juga dengan kajian Farah Dina Yusop (2005) dan Nur Aishah dan rakan-rakan (2012), mereka juga mengkaji tentang kemampuan TMK meningkatkan KBKK dan motivasi pelajar semata-mata.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kajian terhadap kemampuan KBKK melalui

TMK dalam proses PdP Bahasa Melayu perlu dilakukan bagi menampung kekurangan kajian dalam bidang ini. Kajian ini juga diharap dapat membantu guru dan pelajar mengaplikasikan kemahiran berfikir dan TMK di bilik darjah dan sekali gus dapat memberi peluang kepada pelajar satu suasana pembelajaran bahasa yang baharu dan bermakna.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini termasuklah:

1. Mendapatkan maklumat tentang pandangan pelajar terhadap kemampuan proses PdP Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat meningkatkan tahap motivasi pelajar.
2. Mendapatkan pandangan pelajar terhadap pelaksanaan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat.
3. Mendapatkan maklumat tentang keupayaan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan meningkatkan skor min kemahiran bahasa pelajar.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian dalam penyelidikan ini ialah:

1. Apakah pandangan pelajar terhadap kemampuan proses PdP Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat meningkatkan tahap motivasi pelajar?
2. Apakah pandangan pelajar terhadap pelaksanaan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi?
3. Apakah keupayaan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan meningkatkan skor min bagi kemahiran bahasa pelajar?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan sebahagian daripada tiga fasa kajian pembangunan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir (KB) dan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Fasa kajian ini ialah fasa pelaksanaan dan penilaian. Tujuan fasa kajian ini ialah bagi mendapatkan data tentang kemampuan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan meningkatkan tahap motivasi pelajar setelah mengikuti setiap unit pelajaran dalam model ini. Kajian ini juga dilakukan bagi mendapatkan pandangan pelajar setelah mereka menggunakan model ini dan juga mengkaji kesan model ini terhadap kemahiran bahasa mereka.

Responden Kajian

212 pelajar terlibat dalam kajian ini. Mereka mewakili lapan buah kelas Tingkatan Empat yang dipilih daripada empat buah negeri, iaitu Sabah, Kedah, Kelantan dan Johor. Negeri Sabah mewakili Zon Malaysia Timur, Negeri Kelantan mewakili Zon Pantai Timur, negeri Kedah mewakili Zon Utara, dan negeri Johor mewakili Zon Selatan. Kelapan-lapan kelas ini mengikuti keempat-empat Unit Pelajaran Bahasa Melayu yang menyerapkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

Pemilihan kelapan-lapan kelas ini dibuat berdasarkan persetujuan pihak sekolah yang terlibat dan juga atas persetujuan lapan orang guru yang mengajarkan kelas tersebut. Pemilihan kelas juga dibuat berdasarkan perkara yang berikut, iaitu pencapaian yang sederhana dan komposisi kelas yang seimbang antara jantina dan kaum.

Instrumen Kajian

Dua instrumen digunakan dalam kajian ini bagi mengumpulkan data, iaitu soal selidik dan ujian kemahiran bahasa. Soal selidik ditadbirkan terhadap pelajar bagi menjawab dua soalan kajian dalam kajian ini, iaitu kemampuan model PdP Bahasa Melayu yang menerapkan

kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat meningkatkan tahap motivasi pelajar dan pandangan pelajar terhadap pelaksanaan model PdP ini. Ujian kemahiran bahasa pula melibatkan kemahiran menulis karangan, merumus karangan, KOMSAS dan kemahiran bertutur. Ujian kemahiran bahasa dijalankan bagi mendapatkan data tentang kemampuan model pengajaran ini meningkatkan kemahiran menulis karangan, merumus karangan, KOMSAS dan kemahiran bertutur.

Soal selidik yang digunakan ialah soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Ryan (1982). Soal selidik pula ditadbirkan kepada pelajar dan dijalankan selepas sesi pengajaran dilaksanakan di bilik darjah. Soal selidik ini mengandungi enam bahagian, iaitu:

1. Minat (*Interest*) dan Keseronokan (*Enjoyment*)
2. Kecekapan yang boleh dilihat (*Perceived Competence*)
3. Daya usaha (*Effort*) dan Mustahak (*Importance*)
4. Tekanan (*Pressure*) dan Ketegangan (*Tension*)
5. Kepentingan (*Value*) dan Kebergunaan (*Usefulness*)
6. Keberkaitan (*Relatedness*)

Proses kesahan soal selidik ini melibatkan kesahan muka dan kesahan dalaman. Bagi mendapatkan kesahan muka, soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Ryan (1982) ini dirintis terhadap pelajar yang hampir sama dengan pelajar sasaran dari segi pencapaian akademik, latar belakang dan kaum. Beberapa pindaan dilakukan, khususnya daripada aspek istilah dan ayat. Analisis Cronbach Alpha juga dilakukan bagi mendapatkan pekali kesahan soal selidik ini. Keseluruhannya, pekali Cronbach Alpha bagi soal selidik ini ialah 0.84.

Ujian kemahiran bahasa pula melibatkan empat tugas yang menguji empat kemampuan model PdP Bahasa Melayu ini meningkatkan pencapaian kemahiran bahasa utama, iaitu kemahiran bertutur, menulis, KOMSAS dan rumusan. Bagi mendapatkan data tersebut, empat ujian pencapaian bahasa digunakan. Setiap ujian melibatkan satu soalan yang dikemukakan kepada pelajar sebelum dan selepas proses PdP model pengajaran bahasa yang dibangunkan dilaksanakan. Min pencapaian kemahiran bahasa pelajar dalam kedua-dua sesi pengajaran dan pembelajaran dianalisis bagi mendapatkan data perbezaan pencapaian keempat-empat kemahiran bahasa antara ujian pra dan ujian pasca. Yang berikut ialah Ujian Pencapaian Kemahiran Bahasa yang dijalankan sebelum dan selepas proses PdP dilaksanakan.

Ujian Pelajaran 1:

Dewasa ini fenomena pencemaran sungai sering berlaku. Saban hari, gejala negatif ini sering dipaparkan di dada-dada akhbar mahupun media elektronik. Nyatakan dan huraikan sebab-sebab perkara ini berlaku.

Ujian Pelajaran 2:

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha membudayakan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat dan kekangan-kekangannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Ujian Pelajaran 3:

Jenayah pemerdagangan manusia yang semakin menjadi-jadi telah mendatangkan pelbagai masalah kepada kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, permasalahan ini sukar untuk diatasi disebabkan oleh penglibatan pelbagai pihak dan perbezaan-perbezaan tertentu. Bersempena pertandingan syarahan peringkat sekolah, tuliskan syarahan anda berkenaan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara dalam usaha untuk membanteras jenayah ini.

Ujian Pelajaran 4:

Dalam novel ‘Kelopak Jantung Pisang’ terdapat dua watak utama yang sangat berbeza sifatnya. Berdasarkan perbincangan/pembacaan yang anda lakukan, buat perbandingan dan perbezaan antara watak tersebut. Tulis dalam karangan pendek tentang perbandingan dan perbezaan tersebut.

Prosedur Mengumpul Data

Prosedur mengumpulkan data dimulakan dengan proses mendapatkan keizinan menjalankan kajian daripada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pelajaran Negeri, dan pihak sekolah. Persetujuan daripada guru yang terlibat juga diperolehi. Kesimpulannya, proses pengumpulan data melibatkan fasa yang berikut:

1. Memohon kebenaran pihak yang berwajib.
2. Perbincangan dengan guru yang terlibat.
3. Sesi pengajaran biasa bermula bagi mendapatkan data pencapaian kemahiran bahasa awal dalam kalangan pelajar.
4. Pelaksanaan empat unit pelajaran yang memfokuskan empat kemahiran bahasa utama di sekolah, iaitu kemahiran lisan, rumusan, karangan dan KOMSAS.
5. Mengedarkan soal selidik bagi mendapatkan tahap motivasi pelajar setelah menggunakan keempat-empat unit pelajaran.
6. Menganalisis ujian pencapaian kemahiran bahasa pelajar bagi mendapatkan tahap kemahiran bahasa pelajar setelah menggunakan keempat-empat unit pelajaran.

Prosedur Memproses Data

Data kajian ini melibatkan tiga data utama, iaitu data (1) tahap motivasi pelajar setelah mereka menggunakan model PdP Bahasa Melayu, (2) pandangan pelajar setelah mereka menggunakan model PdP Bahasa Melayu, dan (3) skor ujian kemahiran bahasa yang dijalankan bagi mengukur kemampuan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan meningkatkan pencapaian kemahiran menulis karangan, merumus karangan, KOMSAS dan kemahiran bertutur.

Bagi mengukur tahap motivasi pelajar, data diskriptif digunakan. Ke kerapannya dan peratus digunakan bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap kemampuan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan meningkatkan tahap motivasi mereka setelah mereka menggunakan model PdP Bahasa Melayu ini.

Bagi mendapatkan data pandangan pelajar, kaedah *provisional coding* dan *structural coding* digunakan (Saldana, 2009). Kaedah *provisional coding* digunakan bagi menganalisis pandangan pelajar terhadap penggunaan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan berdasarkan tema-tema tertentu. Pandangan pelajar dikelaskan kepada tema-tema tertentu yang dikemukakan oleh pelajar dalam borang soal selidik yang diberikan kepada mereka setelah mereka menggunakan model PdP Bahasa Melayu tersebut. Kaedah *'structural coding'* pula digunakan bagi menganalisis hierarki pandangan pelajar setelah mereka menggunakan model ini. Hierarki pandangan pelajar disusun berdasarkan kekerapan 212 pelajar memberi pandangan mereka terhadap penggunaan model PdP ini. Yang berikut ialah contoh

proses pembentukan tema dan penyusunan hierarki pandangan pelajar berdasarkan kaedah *structural coding*.

Pandangan pelajar terhadap pelaksanaan model PdP Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi	Tema yang dibentuk berdasarkan kaedah <i>provisional coding</i>	Kekerapan	Peratus (%)	Hierarki
1. Saya suka dan seronok kerana dapat meningkatkan kemahiran bahasa saya. 2. Saya seronok kerana melakukan aktiviti atau tugas kerana dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bahasa saya	Dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bahasa	117	55	1
3. Saya suka dengan pelajaran hari ini.	Suka dan menyeronokkan	32	15	2

Bagi menganalisis data pencapaian kemahiran bahasa pula, ujian pra dan ujian pasca digunakan bagi melihat perbezaan pencapaian kemahiran bahasa pelajar setelah menggunakan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan. Kemampuan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan ini meningkatkan kemahiran bahasa pelajar diukur berdasarkan perbezaan pencapaian (min) antara ujian pra dan ujian pasca. Perbezaan min ini diukur berdasarkan peratus. Contoh perbezaan pencapaian kemahiran bahasa diukur ialah seperti yang berikut:

Aktiviti Pengajaran dan Pelajaran	Tajuk Tugasan	Kemahiran Bahasa	Kemahiran Berfikir yang Diterapkan	Alat Berfikir yang Digunakan	Skor Ujian Pra (min)	Skor Ujian Pos (min)	Beza (%)
Aktiviti 3	<p>Jenayah pemerdagangan manusia yang semakin menjadi-jadi telah mendatangkan pelbagai masalah kepada kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, permasalahan ini sukar untuk diatasi disebabkan oleh penglibatan pelbagai pihak dan perbezaan-perbezaan tertentu. Bersempena pertandingan syarahan peringkat sekolah, tuliskan syarahan anda berkenaan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara dalam usaha untuk membanteras jenayah ini.</p>	Menulis (karangan)	Menyusun maklumat/idea berdasarkan urutan dan mencerakinkan idea mengikut komponen	Pengurusan Verbal	64	76	12 (+)

Skor ujian pra dan ujian pasca diperoleh daripada markah penulisan karangan pelajar. Karangan pelajar disemak berdasarkan skema peperiksaan SPM sebenar dan disemak oleh guru berpengalaman yang mengajarkan Bahasa Melayu bagi kelas yang dijadikan sampel kajian. Skor atau markah yang diberi mengambil kira kemampuan pelajar memaparkan isi karangan secara berurutan sejajar dengan kemahiran berfikir yang diterapkan.

DAPATAN KAJIAN

Bagi membincangkan dapatan kajian, tiga soalan kajian akan dijawab. Yang pertama, dapatan soal selidik bagi menjawab soalan kajian 1, iaitu “Apakah pandangan pelajar terhadap kemampuan proses PdP Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat meningkatkan tahap motivasi pelajar?” Yang kedua, dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 2, iaitu “Apakah pandangan pelajar terhadap pelaksanaan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi?”, dan yang ketiga, bagi menjawab soalan kajian 3, iaitu “Apakah keupayaan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan meningkatkan skor min bagi kemahiran bahasa pelajar?”

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar

Taburan Demografi Pelajar Berdasarkan Kaum dan Jantina

Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian fasa pelaksanaan ini ialah kaum Melayu (50%) dan diikuti oleh kaum Bumipera Sarawak dan Sabah (17.92%). Jadual 3 juga menunjukkan bahawa taburan jantina hampir seimbang, iaitu 48.11 % responden lelaki, manakala 51.89 % responden perempuan. Dapatan ini sejajar dengan taburan jantina bagi pelajar seluruh negara.

Jadual 3 Taburan Responden (Pelajar) Berdasarkan Kaum dan Jantina dalam Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Bil.	Kaum	Kekeperan (Peratus)				Jumlah (%)
		Lelaki	Peratus	Perempuan	Peratus	
1	Melayu	52	24.53	54	25.47	106 (50%)
2.	Cina	16	7.58	18	8.49	34 (16.04%)
3.	India	12	5.66	12	5.66	24 (11.32%)
4.	Bumiputera (Sabah dan Sarawak)	18	8.49	20	9.43	38 (17.92%)
5.	Lain-lain (Indonesia, Filipina, Arab, dsb)	4	1.89	6	2.83	10 (4.72%)
	Jumlah	102	48.11	110	51.89	212 (100%)

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Minat dan Keronokan

Dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar, iaitu 77% untuk item 1, dan 75% (item 2) setuju dengan pernyataan bahawa mereka seronok melakukan aktiviti yang terdapat dalam model pengajaran yang dibangunkan ini. Sebaliknya, mereka tidak setuju dengan pernyataan aktiviti "pengajaran yang terdapat dalam model pengajaran ini membosankan dan dan tidak menarik perhatian mereka (65% bagi item 4 dan 64% bagi item 3). Kesimpulannya, model penyerapan kemahiran berfikir ini dapat menarik minat dan menimbulkan keseronokan dalam kalangan pelajar.

Jadual 4 Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Minat dan Keronokan

Bil.	Aspek Minat dan Keronokan	Pandangan Pelajar			Jumlah (N)
		Tidak setuju f (%)	Tidak pasti f (%)	Setuju f (%)	
1.	Saya seronok melakukan aktiviti/ tugas yang diberikan.	22 (10.37)	26 (12.26)	164 (77.36)	212 (100)

Jadual 4 *samb...*

2.	Aktiviti/tugasan ini seronok dilakukan.	25 (11.79)	28 (13.21)	159 (75)	212 (100)
3.	Saya fikir aktiviti/tugasan ini membosankan.	136 (64.15)	44 (20.75)	32 (15.09)	212 (100)
4.	Aktiviti/tugasan tidak dapat menarik perhatian saya langsung.	138 (65.09)	67 (31.60)	-	212 (100)
5.	Saya dapat menjelaskan aktiviti/tugasan ini dengan seronoknya.	31 (14.62)	80 (37.74)	102 (48.11)	212 (100)
6.	Saya fikir aktiviti/tugasan ini menyeronokkan.	13 (6.13)	48 (22.64)	149 (70.28)	212 (100)
7.	Saya terfikir betapa seronoknya saya ketika melaksanakan aktiviti/tugasan ini.	25 (11.79)	53 (25)	140 (66.04)	212 (100)

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Kecekapan yang Boleh Dilihat

Dapatan kajian mendapati pelajar bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka boleh melakukan tugasan yang diberikan (92.45 % bagi item 1 dan 86.79 % bagi item 5). Dapatan juga mendapati majoriti responden (86.82 %) menyatakan bahawa kemahiran mereka bertambah setelah mengikuti tugasan yang diberi. 73.61 % pelajar pula menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa tugasan yang dilakukan oleh responden merupakan tugasan yang sukar. Kesimpulannya, model penyerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu boleh dilaksanakan dan tidak sukar untuk dijalankan.

Jadual 5 Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Kecekapan yang Boleh Dilihat

Bil.	Aspek Kecekapan yang boleh dilihat	Pandangan Pelajar			Jumlah (N)
		Tidak setuju f (%)	Tidak pasti f (%)	Setuju f (%)	
1.	Saya fikir saya boleh melakukan aktiviti/ tugas ini.		16 (7.55)	196 (92.45)	212 (100)
2.	Saya fikir saya boleh melakukan aktiviti/ tugas ini dengan baik berbanding dengan pelajar lain.	12 (5.66)	92 (43.40)	108 (50.94)	212 (100)
3.	Selepas melakukan aktiviti/tugas ini, saya kemahiran saya bertambah.		28 (13.21)	184 (86.79)	212 (100)
4.	Saya berpuas hati dengan pencapaian saya dalam aktiviti/ tugas ini.	4 (1.89)	80 (37.74)	128 (60.38)	212 (100)
5.	Saya boleh melakukan aktiviti/tugas ini.	4 (1.89)	24 (11.32)	184 (86.79)	212 (100)
6.	Ini ialah aktiviti / tugas yang sukar saya lakukan.	156 (73.58)	40 (18.87)	16 (7.5)	212 (100)

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Daya Usaha dan Mustahak

Dalam aspek meningkatkan daya usaha dan kepentingan model pengajaran bahasa berdasarkan kemahiran berfikir melalui kemahiran teknologi dan komunikasi ini, dapatan kajian mendapati majoriti pelajar (79.25 %) bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka mencuba bersungguh-sungguh untuk melakukan tugas yang diberikan guru. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai daya usaha yang tinggi terhadap tugas yang diberi. Sebaliknya, dapatan kajian turut memaparkan bahawa 79.26 % pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka tidak mencuba bersungguh-sungguh untuk melakukan aktiviti yang diberikan. Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian ini.

Jadual 6 Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Daya Usaha dan Mustahak

Bil.	Aspek Daya Usaha dan Mustahak	Pandangan Pelajar			Jumlah (N)
		Tidak setuju f (%)	Tidak pasti f (%)	Setuju f (%)	
1.	Saya memberi sepenuh usaha saya terhadap aktiviti/tugasan ini.	12 (5.66)	44 (20.75)	116 (54.72)	212 (100)
2.	Saya tidak mencuba bersungguh-sungguh untuk melakukan aktiviti/tugasan ini.	168 (79.25)	16 (7.55)	28 (13.21)	212 (100)
3.	Saya mencuba bersungguh-sungguh untuk melakukan aktiviti/tugasan ini.	12 (5.66)	32 (15.09)	168 (79.25)	212 (100)
4.	Adalah mustahak bagi saya untuk melakukan aktiviti/tugasan ini.	44 (20.75)	72 (33.96)	96 (45.28)	212 (100)
5.	Saya tidak menggunakan sepenuh tenaga saya untuk melakukan aktiviti/tugasan ini.	104 (49.06)	56 (26.42)	52 (24.53)	212 (100)

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Tekanan dan Ketegangan

Jadual 7 menunjukkan tentang kadar tekanan dan kebimbangan dalam kalangan pelajar setelah mengikuti model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir. Dapatan kajian mendapati 66.04 % pelajar menyatakan bahawa mereka tidak berasa bimbang ketika melakukan tugas yang diberi. Menyentuh tentang pernyataan dalam item 4 yang menyatakan bahasa saya bimbang ketika menjalankan tugas yang diberi, 64.15 % pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak berasa bimbang ketika menjalankan tugas yang terdapat dalam model pengajaran bahasa ini. Dari aspek 'ketegangan' ketika

menghadapi tugas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) pula, 79.24 % pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka berasa tertekan ketika melakukan tugas PdP. Malah, 63.26 % pelajar mengatakan bahawa mereka tidak tertekan dengan tugas PdP yang diberi dalam model pengajaran yang disediakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar berada dalam keadaan yang relaks semasa mengikuti PdP yang disediakan dalam model pengajaran ini.

Jadual 7 Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Tekanan dan Ketegangan

Bil.	Aspek Tekanan dan Ketegangan	Pandangan Pelajar			
		Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Jumlah (N)
1.	Saya tidak terasa bimbang ketika melakukan aktiviti/ tugas ini.	24 (11.32)	48 (22.64)	140 (66.04)	212 (100)
2.	Saya berasa sangat tertekan ketika melakukan aktiviti/ tugas ini.	144 (20.75)	48 (22.64)	20 (9.43)	212 (100)
3.	Saya sangat relaks semasa melakukan aktiviti/tugasan ini.	32 (15.09)	48 (22.64)	132 (62.26)	212 (100)
4.	Saya bimbang ketika melakukan aktiviti/tugasan ini.	136 (64.15)	48 (22.64)	28 (13.21)	212 (100)
5.	Saya berasa tertekan ketika melakukan aktiviti/tugasan ini.	168 (79.25)	36 (16.98)	8 (3.77)	212 (100)

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Kepentingan (Value) dan Kebergunaan (Usefulness)

Jadual 8 menunjukkan tentang pandangan pelajar terhadap kepentingan (*value*) dan kebergunaan (*usefulness*) setelah menggunakan model pengajaran bahasa berlandaskan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Dapatan kajian mendapati hampir semua (94.33 %) pelajar setuju dengan pernyataan bahawa tugas yang diberikan dalam model pengajaran ini bernilai kepada mereka, malah, 78 % daripada pelajar ini menyatakan bahawa mereka sangat setuju

dengan di atas. Selain itu, lebih 90 % pelajar menyatakan bahawa aktiviti dan tugas yang dijalankan dalam model pengajaran ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir (98.12 %), kemahiran insaniah (*soft skills*) (90.56 %), dan membantu mereka berfikir tentang proses pembelajaran (92.46 %). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa model pengajaran yang dibangunkan ini sangat bernilai dan berguna kepada pelajar.

Jadual 8 Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Kepentingan (*Value*) dan Kebergunaan (*Usefulness*)

Bil.	Aspek Kepentingan dan Kebergunaan	Pandangan Pelajar			
		Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Jumlah (N)
1.	Saya percaya aktiviti/tugasan ini bernilai kepada saya.	-	12 (5.66)	200 (94.34)	212 (100)
2.	Saya berpendapat aktiviti/tugasan ini sangat berguna bagi memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam.	12 (5.66)	-	160 (75.47)	212 (100)
3.	Saya berpendapat aktiviti/tugasan ini penting dilakukan kerana dapat meningkatkan kemahiran berfikir saya (kemahiran kreatif, kritis, dan penyelesaian masalah).	-	4 (1.89%)	208 (98.11)	212 (100)
4.	Saya akan melakukan aktiviti/tugasan ini lagi kerana aktiviti/tugasan ini bernilai kepada saya.	-	24 (11.32)	188 (88.68)	212 (100)
5.	Saya berpendapat aktiviti/tugasan ini membantu saya berfikir tentang proses pembelajaran saya.	8 (3.77)	8 (3.77)	196 (92.45)	212 (100)
6.	Saya percaya dengan melakukan aktiviti/tugasan ini dapat meningkatkan 'soft skills' saya (kemahiran komunikasi, bekerja dengan orang lain, kepimpinan dan arah sendiri).	4 (1.89)	16 (7.55)	192 (90.57)	212 (100)

Jadual 8 samb...

7.	Saya percaya dengan melakukan aktiviti/tugasan ini dapat meningkatkan kemahiran media dan teknologi saya.	4 (1.89)	68 (32.08)	140 (66.04)	212 (100)
8.	Saya berpendapat bahawa aktiviti/tugasan ini adalah aktiviti/tugasan yang penting.	4 (1.89)	24 (11.32)	184 (86.79)	212 (100)

Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Keberkaitan

Jadual 9 menunjukkan kemampuan model pengajaran Bahasa Melayu yang dibangunkan berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan keberkaitan (*relatedness*) dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian mendapati 77.36 % pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka berasa terpisah daripada kumpulan mereka setelah mengikuti aktiviti PdP yang dijalankan. Sebaliknya, mereka menyatakan bahawa mereka boleh mempercayai kumpulan mereka (67.93 %) dan ingin berinteraksi dengan kerap (86.80 %) setelah mengikuti aktiviti PdP. Malah mereka turut menyatakan bahawa mereka boleh lebih rapat jika kerap berhubung (86.68 %).

Jadual 9 Pandangan Pelajar terhadap Kemampuan Proses PdP Bahasa Melayu yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar dari Aspek Keberkaitan (*relatedness*)

Bil.	Aspek Keberkaitan	Pandangan Pelajar			Jumlah (N)
		Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	
1.	Saya rasa saya benar-benar terpisah daripada kumpulan saya.	164 (77.36)	36 (16.98)	12 (5.66)	212 (100)
2.	Saya benar-benar ragu yang saya dan kumpulan saya akan bekerja sama dalam satu kumpulan.	100 (47.17)	88 (41.51)	24 (11.32)	212 (100)
3.	Saya rasa seperti saya boleh mempercayai kumpulan saya.	-	68 (32.08)	144 (67.92)	212 (100)

4.	Saya ingin berinteraksi dengan ahli kumpulan saya dengan lebih kerap.	-	28 (13.21)	184 (86.79)	212 (100)
5.	Saya rasa saya tidak mahu berinteraksi dengan ahli kumpulan saya lagi pada masa depan.	100 (70.74)	28 (13.21)	4 (1.89)	212 (100)
6.	Ada kemungkinan saya dan kumpulan saya akan lebih rapat jika kami kerap berhubung.	16 (7.55)	8 (3.77)	188 (88.68)	212 (100)
7.	Saya berasa dekat dengan kumpulan saya.	12 (5.66)	28 (13.21)	172 (81.13)	212 (100)

Pandangan Pelajar terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Penyerapan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Jadual 10 menunjukkan antara pandangan dan komen yang dinyatakan oleh pelajar terhadap pelaksanaan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Pandangan pelajar disusun kepada tema-tema yang dibentuk melalui kaedah *provisional coding*. Bagi melihat tema yang paling dominan pula, kaedah *structural coding* pula digunakan.

Sebanyak 450 respon atau pandangan pelajar diterima dalam kajian ini. Daripada respons pelajar tersebut, empat tema utama diperolehi, iaitu (1) dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa, (2) membangkitkan perasaan 'suka' untuk mengikuti PdP Bahasa Melayu, (3) menimbulkan perasaan gembira terhadap aktiviti PdP bahasa, dan (4) meningkatkan motivasi terhadap proses PdP bahasa.

Jadual 11 menunjukkan bahawa sebahagian besar respons pelajar (55 %) menyatakan bahawa mereka aktiviti atau tugas yang disediakan guru dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bahasa mereka. Selain itu, 15% respons dan komen pelajar pula menyatakan bahawa mereka 'suka' dan 'gembira' dan melakukan aktiviti PdP dalam model pengajaran ini. 10 % daripada respons dan pandangan pelajar pula menyatakan bahawa proses PdP model pengajaran ini dapat meningkatkan motivasi dan minat mereka. Selebihnya (5%) menyatakan bahawa model PdP bahasa ini memberi peluang kepada mereka belajar bahasa dalam suasana yang menarik dan baharu.

Jadual 10 Pandangan dan Komen Pelajar setelah Mengikuti Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa yang Menerapkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bil.	Tema	Kekerapan dan Peratus Respons Pelajar (n=450)	Contoh Komen Pelajar
1.	Dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bahasa	248 (55%)	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti yang dijalankan berlainan dengan yang lain. Seronok dan mudah faham. • Suka dan seronok kerana dapat meningkatkan kemahiran bahasa. • Saya sangat seronok ketika melakukan aktiviti atau tugas kerana dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan saya. • Sangat menyeronokkan dan pengetahuan saya bertambah. • Pelajaran hari ini masuk dalam fikiran saya dan banyak nilai murni saya dapat. • Proses pengajaran dan pembelajaran amat menyeronokkan dan apabila pembelajaran bermula banyak ilmu saya dapat. • Saya suka belajar secara berkumpulan kerana membantu saya dan rakan memahami pelajaran. Terima kasih atas bimbingan ini. • Saya sangat berterima kasih kerana mendapat guru yang boleh mendidik kami dengan sikap kami ini. Banyak ilmu yang kami dapat daripada cikgu. • Saya ingin menambah kemahiran saya dalam penulisan karangan dan rumusan. Dan ini saya dapat (apa) bila ikut kelas cikgu ini. Terima kasih cikgu.
2.	Suka	68 (15%)	<ul style="list-style-type: none"> • Saya berasa seronok belajar. • Saya berasa seronok belajar dengan kawan-kawan. Lagipun cikgu saya pandai mengajar. • Saya suka ikuti pelajaran hari ini. • Saya suka aktiviti ini. • Saya suka dengan pelajaran hari ini.
3.	Gembira	68 (15%)	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat gembira. • Saya berasa gembira melakukan aktiviti ini. • Saya berasa gembira setiap kali pembelajaran berjalan kerana ia dapat membantu saya menilai kebolehan yang saya ada. Tambahan pula, guru yang mengajar saya amat baik dan ketika guru mengajar saya dapat 'menangkapnya' dengan relevan (baik).

4. Motivasi	45 (10%)	<ul style="list-style-type: none">• Saya ingin belajar bersungguh untuk masa depan saya.• Dapat bangkitkan minat saya terhadap bahasa.
5. Memperoleh suasana pembelajaran baharu	23 (5%)	<ul style="list-style-type: none">• Ada cara baharu guru mengajar bahasa• Teknik guru guna sangat menarik. Ada guna komputer dan grafik.

Keupayaan Model PdP Bahasa Melayu yang Dibangunkan Meningkatkan Skor Min Bagi Kemahiran Bahasa Pelajar

Bagi mendapatkan data tentang keupayaan model PdP Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan skor min kemahiran merumus karangan, KOMSAS, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis karangan, perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca dalam ujian pencapaian kemahiran bahasa tersebut dijasikan sandaran dan ukuran.

Keempat-empat ujian yang berbentuk tugas ini diberi kepada pelajar sebelum dan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dijalankan. Min kedua-dua ujian dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan data keupayaan model PdP Bahasa Melayu ini meningkatkan min pencapaian kemahiran bahasa tersebut.

Jadual 11 menunjukkan bahawa skor min kemahiran bahasa pelajar dalam ujian pasca meningkat antara 5-12 peratus berbanding dengan skor min kemahiran bahasa dalam ujian pra. Skor min yang paling tinggi peningkatannya ialah skor min bagi kemahiran menulis karangan (12%), manakala skor min yang rendah peningkatannya ialah skor min kemahiran merumus karangan (5%). Ini menunjukkan bahawa pencapaian kemahiran bahasa pelajar bagi keempat-empat kemahiran bahasa meningkat setelah mereka mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang menerapkan kemahiran dan alat berfikir yang sesuai melalui teknologi maklumat.

Jadual 11 Skor Min Ujian Pra dan Pasca bagi Ujian Pencapaian Kemahiran Bahasa Pelajar

Aktiviti Pengajaran dan Pelajaran	Tajuk Tugasan	Kemahiran Bahasa	Kemahiran Berfikir yang Diterapkan	Alat Berfikir yang Digunakan	Skor Ujian Pra (min)	Skor Ujian Pos (min)	Beza (%)
Aktiviti 1	Dewasa ini fenomena pencemaran sungai sering berlaku. Saban hari, gejala negatif ini sering dipaparkan di dada-dada akhbar mahupun media elektronik. Nyatakan dan huraikan sebab-sebab perkara ini berlaku.	Bertutur (utama) dan Menulis (sokongan)	Mengumpul dan Mengelas/ Mengkategorikan dan Menganalisis	Pengurusan grafik dan CoRT	65	76	11 (+)
Aktiviti 2	Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha membudayakan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat dan kekangan-kekangannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.	Menulis (rumusan) (Utama) dan membaca (sokongan)	Menyusun idea dan membuat metafora	Pengurusan grafik	68	73	5 (+)
Aktiviti 3	Jenayah pemerdagangan manusia yang semakin menjadi-jadi telah mendatangkan pelbagai masalah kepada kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, permasalahan ini sukar untuk diatasi disebabkan oleh penglibatan pelbagai pihak dan perbezaan-perbezaan tertentu. Bersempena pertandingan syarahan peringkat sekolah, tuliskan syarahan anda berkenaan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara dalam usaha untuk memberantas jenayah ini.	Menulis (karangan)	Menyusun maklumat/idea berdasarkan urutan dan menceritakan idea mengikut komponen	Pengurusan Verbal	64	76	12 (+)
Aktiviti 4	Dalam novel 'Kelopak Jantung Pisang' terdapat dua watak utama yang sangat berbeza sifatnya. Berdasarkan perbandingan/pembacaan yang anda lakukan, buat perbandingan dan perbezaan antara watak tersebut. Tulis dalam karangan pendek tentang perbandingan dan perbezaan tersebut.	Mendengar dan menulis (KOMSAS)	Membandingkan dan Membeza	Pengurusan grafik	68	75	7 (+)

PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan dilakukan berdasarkan dua bahagian utama, iaitu kemampuan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan penyerapan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan tahap motivasi pelajar dan menimbulkan perasaan suka untuk belajar dan keupayaan model PdP Bahasa Melayu yang dibangunkan ini meningkatkan skor min kemahiran bahasa dalam ujian pencapaian Bahasa Melayu.

Kemampuan Model Pengajaran Bahasa Melayu yang Dibangunkan Meningkatkan Motivasi Pelajar

Dalam kajian ini, motivasi pelajar merangkumi aspek minat dan keseronokan, kecekapan yang boleh dilihat, daya usaha dan mustahak, tekanan dan ketegangan, nilai dan kebergunaan, dan keberkaitan. Dapatan temu bual pelajar, secara keseluruhannya, mendapati majoriti pelajar menyatakan bahawa model PdP ini berjaya meningkatkan motivasi mereka. Malah dapatan respons dan komen pelajar juga menunjukkan bahawa mereka seronok, suka dan gembira dengan aktiviti yang dijalankan dalam model PdP Bahasa Melayu ini. Dapatan ini sejajar dengan kajian Gibson (2013), dan Zhang (2005) yang turut mendapati bahawa penyerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran bahasa dapat meningkatkan motivasi dalaman pelajar. Kajian ini juga selaras dengan kajian Farah Dina Yusop (2005) yang mendapati penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi turut meningkatkan tahap motivasi pelajar. Dalam konteks pengajaran KOMSAS pula, dapatan kajian ini juga sejajar dengan kajian Nur Aishah dan rakan-rakan (2012) yang turut mendapati bahawa kemahiran berfikir juga dapat meningkatkan motivasi pelajar. Kesimpulannya, penyerapan kemahiran berfikir dalam PdP bahasa dapat meningkatkan motivasi pelajar dan juga perasaan ingin belajar dalam kalangan pelajar.

Keupayaan Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Penyerapan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi meningkatkan Pencapaian Kemahiran Bahasa

Dapatan kajian mendapati, kemahiran bahasa pelajar khususnya kemahiran bahasa menulis karangan, merumus karangan, KOMSAS dan kemahiran bertutur pelajar Tingkatan Empat dapat ditingkatkan

khususnya dari aspek skor min pencapaian kemahiran bahasa tersebut dalam empat ujian pencapaian kemahiran bahasa. Dapatan kajian ini selaras dengan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Yahya Othman dan Azmey Hj. Othman (2012). Dalam kajian mereka, kemahiran bahasa pelajar khususnya kemahiran menulis karangan dapat ditingkat dengan adanya penggunaan alat berfikir seperti peta minda. Dapatan kajian mereka sejajar dengan dapatan kajian ini yang juga mendapati skor min kemahiran menulis karangan pelajar turut meningkat setelah mereka menggunakan model PdP Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Zabedah Mohamed (2006) terhadap kemahiran menulis karangan. Dapatannya juga mendapati kemahiran menulis karangan argumentatif pelajar dapat ditingkatkan secara signifikan setelah pelajar mengikuti model pengajaran karangan yang menerapkan aspek kemahiran berfikir.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa skor min kemahiran merumus karangan juga dapat ditingkatkan. Ini menunjukkan bahawa penguasaan merumus pelajar dapat ditingkatkan dengan pengaplikasian kemahiran membaca dan merumus dalam model yang disediakan. Dapata ini sejajar dengan Nor Hashimah Hashim, Subadrah Nair, dan Yahya Che Lah (2006). Mereka juga mendapati, kemahiran membaca sama ada untuk merumus atau mendapat isi penting pelajar dapat ditingkatkan dengan pengaplikasian kemahiran berfikir dalam kemahiran membaca. Ini menunjukkan bahasa model PdP Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran berfikir dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan merumus dalam kalangan pelajar.

Kajian ini juga mendapati bahawa penguasaan dalam aspek KOMSAS juga ditingkatkan. Kajian ini mendapati, penguasaan aspek KOMSAS dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan dengan agak ketara melalui model PdP Bahasa Melayu ini. Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian Nur Aishah dan rakan-rakan (2012) terhadap murid Tingkatan Satu. Dalam kajian mereka, pengaplikasian KTM dapat meningkat kemahiran berfikir dan juga motivasi pelajar khususnya dalam pengajaran KOMSAS. Kajian mereka juga mendapati bahawa, melalui pengaplikasian TMK dalam pengajaran KOMSAS, pemahaman pelajar terhadap elemen sastra dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat ditingkatkan. Ini menunjukkan bahawa, penggunaan model PdP Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran

berfikir dan teknologi maklumat dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa pelajar khususnya dari aspek peningkatan skor min kemahiran bahasa tersebut.

Implikasi Kajian

Kajian ini membuktikan bahawa kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Inovasi ini wajar diterap dan dilaksanakan kerana dua sebab, iaitu (1) pelaksanaannya dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa, (2) pelaksanaannya dapat meningkatkan keupayaan penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar, dan (3) pelaksanaannya dapat meningkatkan motivasi pelajar seperti minat, kecekapan berbahasa, daya usaha, tahap ketenangan, sifat kebersamaan dan kemahiran insaniah.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2006). Kemahiran bernilai tambah. Dlm. Idris Mohd Radzi dan Dahlia Janan (Eds.). *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu: Penyerapan kemahiran bernilai tambah*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Gibson, J. W. (2013). The relationship between critical thinking, parent education, family income, extracurricular activity and intrinsic motivation in public schools: A multiple regression analysis. Capella University, ProQuest, *UMI Dissertations Publishing*, 3598462.
- Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2008). Globalisasi dan cabaran pendidikan di Malaysia. *Masalah Pendidikan*, 31 (1): 91-100.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.
- Nur Aishah Mohamad Noor, Zamri Mahamod, Afendi Hamat, dan Mohamed Amin Embi. (2012). Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 2, Bil. 1, 1-16.
- Nor Hashimah Hashim, Subadrah Nair, dan Yahya Che Lah. (2006). Penyerapan kemahiran berfikir kritis dan kreatif dalam kefahaman

- bacaan Bahasa Melayu murid Sekolah Rendah di Malaysia. Dlm. Idris Mohd Radzi dan Dahlia Janan (Eds.). *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu: Penyerapan kemahiran bernilai tambah*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurulhuda Abd Rahman dan Md Nasir Ibrahim (Eds.). (2013). *Pemikiran kritis dan kreatif: Konsep, pendekatan dan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf>
- Rajendran. (2001). Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Projek KBKK. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1-2 Ogos, 2001.
- Rajendran, N. S. (2010). *Teaching and acquiring higher-order thinking skills: Theory and practice*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Raths, L. E., Wassermann, S., Jonas, A., dan Rothstein, A. (1986). *Teaching for thinking: Theory, strategies, and activities for the classroom*. New York: Teacher College Press.
- Ryan, R. M. (1982). Control and information in the intrapersonal sphere: An extension of cognitive evaluation theory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 43, 450–461.
- Saldana, J. (2009). *The coding manual for qualitative researchers*. London: Sage Publications Ltd.
- Sharifah Maimunah Syed Zain. (2007). KBSR dan KBSM dalam menghasilkan modal insan yang gemilang: Satu refleksi. Kertas Kerja dibentangkan *Persidangan Kurikulum Kebangsaan 2007*. Putrajaya.
- Som Nor dan Mohd Dahlan Mohd Ramli. (1998). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif (KBKK)*. Petaling Jaya: Pearson Education.
- Syarifah Nor Puteh, Nur Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis, Aliza Ali. (2012). Keperihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 2, Bil. 2 (November), 19-31.
- Yahya Othman dan Azmey Hj. Othman. (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentative di sebuah sekolah menengah Arab di negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 2, Bil. 2 (November), 32-45.
- Zabedah Mohamed. (2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.

- Zainudin bin Hassan, Hamdan bin Said, Jamilah bt. Omar, Haslita bt. Hassan. (2012). Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran hidup bersepadu di sekolah menengah daerah Kota bahru, Kelantan. Diakses pada 28 November 2014. <http://eprints.utm.my/2278/1/Zainudin.pdf>.
- Zhang, Tao. (2005). Perceived gains in critical thinking of online learners: Effects of motivation and learning strategies. The Pennsylvania State University, ProQuest, *UMI Dissertations Publishing*, 3202537.